

BANK ISLAM MENERAJUI PENERBITAN SUKUK BERNILAI RM150 JUTA UNTUK DITROLIC ENERGY

Memacu kewangan mampan bagi menyokong peralihan tenaga boleh diperbaharui negara

KUALA LUMPUR, Khamis, [25 Jun 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) hari ini mengumumkan kejayaan penerbitan *tranche* sulung bernilai RM150.0 juta di bawah Program Sukuk Wakalah Ditrolic Energy Holdings Sdn Bhd (Ditrolic Energy) pada 5 Jun 2026. Penerbitan ini menandakan satu langkah penting dalam sektor tenaga boleh diperbaharui yang semakin berkembang di Malaysia serta mencerminkan minat berterusan pasaran terhadap pembiayaan mampan patuh Syariah.

Penerbitan tersebut merupakan sebahagian daripada Program Sukuk Wakalah bernilai sehingga RM300.0 juta yang diwujudkan Ditrolic Energy, sebuah syarikat tenaga bersih bersepadu. Disusun berasaskan prinsip *Wakalah Bi Al Istithmar*, program ini akan menyokong pertumbuhan Ditrolic Energy sebagai platform infrastruktur tenaga boleh diperbaharui melalui pembangunan dan pengembangan aset tenaga boleh diperbaharui, sistem penyimpanan tenaga serta projek tenaga rendah karbon bersepadu di rantau ini. Ia juga akan memperkukuh fleksibiliti modal kerja syarikat bagi mempercepatkan pertumbuhan dan pelaksanaan projeknya seiring dengan pengembangan kehadirannya di Asia Tenggara.

YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, berkata, “Kerjasama ini mencerminkan kekuatan perkongsian strategik dalam memacu pembangunan serantau. Dengan menyokong inisiatif yang memberikan nilai ekonomi dan hasil yang mampan, kami menyumbang kepada ekosistem tenaga yang lebih berdaya tahan sambil mewujudkan manfaat jangka panjang kepada komuniti, perniagaan dan ekonomi secara keseluruhannya. Bank Islam berbesar hati dapat menyokong usaha yang menggabungkan matlamat bermakna dengan kemajuan.”

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Institusi Bank Islam, Sharifah Sarah Syed Mohamed Tahir menambah bahawa penerbitan sukuk ini menyerlahkan fokus strategik Bank dalam memajukan tenaga boleh diperbaharui dan infrastuktur mampan, sejajar dengan keutamaan kelestarian di peringkat nasional dan global.

Menurut Sharifah Sarah, penerbitan ini juga merupakan satu langkah ke hadapan dalam memperluaskan portfolio pembiayaan mampan Bank Islam, khususnya dalam aset hijau dan peralihan, sambil mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam bidang kewangan Islam menerusi platform Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI).

“Ini bukan sahaja mencerminkan komitmen kami untuk memajukan ekonomi hijau dan menyokong peralihan ke arah pembangunan mampan serta rendah karbon, malah turut menegaskan peranan Bank Islam dalam memperkasakan syarikat tempatan bersaiz sederhana dengan membolehkan mereka berkembang dan bersaing pada tahap yang lebih tinggi.

“Melalui penerbitan Sukuk, Bank Islam terus menyokong syarikat-syarikat ini mengakses pasaran modal, memperkukuh profil kewangan dan meningkatkan persediaan mereka untuk mencapai pencapaian pertumbuhan masa hadapan. Ini menyerlahkan mandat Bank Islam untuk memupuk

pertumbuhan inklusif, pada masa sama, melahirkan syarikat korporat generasi baharu yang berdaya tahan di rantau ini,” tambah beliau.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ditrolic Energy, Tham Chee Aun berkata, transaksi ini mewakili satu pencapaian penting dalam strategi pertumbuhan jangka panjang syarikat.

“Pembentukan Program Sukuk Wakalah bernilai RM300.0 juta ini menyediakan asas yang kukuh untuk menyokong pengembangan berterusan Ditrolic Energy sebagai satu platform infrastruktur tenaga boleh diperbaharui. Kami amat gembira dapat bekerjasama dengan Bank Islam bagi penerbitan sulung bernilai RM150.0 juta ini, seterusnya menunjukkan keyakinan terhadap model perniagaan, projek yang dirancang dan visi jangka panjang kami.

“Pembiayaan ini akan membolehkan kami mempercepatkan pelaksanaan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui dan infrastruktur rendah karbon bersepadu di rantau ini, sambil memperkukuhkan keupayaan kami untuk menyokong pelanggan dalam perjalanan penyahkarbonan mereka. Seiring dengan peningkatan permintaan terhadap infrastruktur tenaga yang mampan dan berdaya tahan, kami kekal komited untuk menyediakan penyelesaian inovatif yang menyumbang secara bermakna kepada peralihan tenaga dan matlamat pembangunan mampan di rantau ini,” katanya.

Bank Islam berperanan sebagai Penasihat Utama, Pengatur Utama, Penasihat Syariah, Ejen Kemudahan dan Pengurus Utama dengan menyediakan penyeliaan menyeluruh usaha ini, merangkumi penstrukturan, khidmat nasihat dan pelaksanaannya.

Berpangkalan di Malaysia, Ditrolic Energy merupakan antara syarikat tenaga bersih bersepadu terbesar di Asia Tenggara yang menyediakan utiliti tenaga bersih menyeluruh berasaskan tenaga solar kepada pelbagai industri termasuk lapangan terbang, institusi pendidikan, sektor kesihatan, pembuatan dan pelbagai. Melalui penawaran infrastruktur tenaga boleh diperbaharui yang bersepadu sepenuhnya, Ditrolic Energy membolehkan pelanggan mencapai sasaran sifar bersih karbon dan peralihan lancar kepada penyelesaian tenaga mampan mereka.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan mengikut nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my.

Mengenai Ditrolic Energy

Ditrolic Energy Holdings ialah syarikat tenaga bersih bersepadu di Asia Tenggara yang memberi tumpuan kepada penyelesaian solar berskala besar, penyimpanan tenaga dan utiliti hijau. Ditrolic disokong oleh pelaburan pembiayaan campuran global yang menggerakkan modal daripada institusi kewangan pembangunan (DFI) di seluruh dunia bersama pelabur sektor swasta jangka panjang, termasuk syarikat insurans dan institusi perbankan.

Sebagai antara peneraju industri, Ditrolic Energy menyediakan infrastruktur dan penyelesaian tenaga bersih bersepadu sepenuhnya untuk pelbagai sektor utama termasuk pusat data, pembuatan berteknologi tinggi, utiliti, penerbangan, pelabuhan, institusi pendidikan, penjagaan kesihatan dan sektor kerajaan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.ditrolicenergy.com.